

25 JUL 2002

Mahathir-Kerusi

MAHATHIR MINTA KOMPONEN BN TERIMA PEMBAHAGIAN KERUSI P/RAYA

JOHOR BAHRU, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya menerima apa sahaja pembahagian kerusi bagi kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri untuk parti masing-masing pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata beliau membuat rayuan awal mengenai perkara itu supaya apabila beliau sudah membuat keputusan selaku Pengerusi BN, diharapkan semua dapat menerimanya.

"Katalah ada tambahan kerusi (pada pilihan raya umum akan datang), mesti ada parti komponen BN yang tak akan dapat semua apa yang mereka hendak...tapi tak adalah yang tak dapat langsung," katanya ketika menutup rasmi Konvensyen BN Negeri Johor di Stadium Tertutup Bandaraya di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata semua 14 parti komponen BN mestilah menerima pembahagian itu kerana pengagihan secara adil akan dibuat kepada semua pihak.

"Saya rayu awal-awal lagi...bila saya putuskan, terima sajalah," katanya.

Dr Mahathir menimbulkan soal pembahagian kerusi itu ketika menjelaskan prinsip teras BN yang sentiasa menyelesaikan segala perbezaan pendapat secara rundingan.

"Dan kadang-kadang kita dapat, kadang-kadang tidak...tiap orang nak lebih bagi dirinya, tak ada orang nak kurang bagi dirinya, tapi kadang-kadang kita tak dapat apa yang kita minta, apa yang kita idamkan, tapi kita kena terima bahawa kali ini bukan giliran kita, katalah kita ada tambahan kerusi umpamanya," katanya.

Beliau berkata kalau ada tambahan kerusi akan timbul soal siapa akan dapat kerusi itu dan tentunya ada orang yang tak dapat atau ada parti komponen yang tidak dapat.

"Adalah parti yang tak dapat...bukan tak dapat langsung, tak dapat yang dia nak. Yang nak tu memanglah banyak. Umno mungkin nak semua untuk dia, MCA kata dia nak separuh...jadi kalau Umno ambil semua MCA separuh, MIC dapat apa? Tak dapat apa langsunglah," katanya.

Perdana Menteri berkata semua parti komponen kenalah menerima hakikat itu.

"Percayalah kita akan agih secara adil bagi semua pihak. Itulah cara kita," katanya yang diberikan tepukan gemuruh oleh ribuan hadirin yang memenuhi stadium itu termasuk Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Mahathir juga menimbulkan kemungkinan pertukaran kawasan dan pengundi yang berpindah masuk ke kawasan lain yang mungkin menimbulkan rasa tidak patut di kalangan parti komponen BN.

"Tapi kalau kita guna dacing (lambang BN), kalau kita timbang antara yang patut dengan yang tak patut, saya ingat berat lagi kepada yang patut...," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir mengakui amat gembira setiap kali datang ke Johor, sambil memberikan antara sebabnya ialah sokongan padu Johor terhadap BN dan Umno.

"Sejak awal lagi Johorlah yang memberi sokongan padu kepada Umno," katanya yang berharap sangat kepada Johor supaya mengekalkan kemenangan 100 peratus BN dalam pilihan raya umum akan datang sebagaimana pencapaian pada pilihan raya umum 1995 dan 1999.

Dr Mahathir mahu BN Johor berusaha supaya rakyat terus memberikan

sokongan kepada BN dan tidak membenarkan parti pembangkang terutama PAS menggugat kekuatan BN di negeri ini.

"Jangan benar parti PAS masuk Johor... dia dengan keanasannya, fitnahnya, pembohongan, putar belit dan salah tafsir agamanya akan mencemar dan mengotorkan negeri Johor ini.

"Oleh itu jagalah negeri Johor supaya sentiasa bersih dan selamat," katanya yang diberikan tepukan gemuruh para hadirin dari kalangan pemimpin parti komponen BN negeri. Ada di antara mereka turut tertanya sudah hampirkah tarikh pilihan raya umum dengan kenyataan Perdana Menteri itu.

-- BERNAMA

MNY RON